

# Selesaikan dalam Pas dahulu - Noh

KUALA LANGAT 17 Jan. - Tindakan Pas melemparkan pelbagai tuduhan tidak berasas berhubung isu Perbadanan Fidlot Kebangsaan (NFC) disifatkan sebagai taktik untuk mengalihkan tumpuan rakyat terhadap kemelut dalaman yang berlaku di dalam parti itu.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Noh Omar berkata, setiap tuduhan yang dilemparkan oleh Pas berhubung isu NFC itu sebenarnya telah diperjelaskan dengan terperinci sebelum ini oleh beliau di Parlimen selaku Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

“Saya nak nasihatkan Pas jangan melebihi-lebih dengan kenyataan yang dibuat dengan menambah-nambahkan cerita serta mengelirukan rakyat kerana setiap tuduhan yang dilemparkan telah saya jawab di Parlimen sebelum ini.

“Lebih baik Pas menyelesaikan masalah yang dialami mereka dulu iaitu dengan menghapuskan parasit-parasit dalam parti itu seperti yang didakwa Datuk Dr. Hasan Ali (bekas Pesuruhjaya Pas negeri),” katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Carey di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Naib Presiden Pas, Datuk Mahfuz Omar yang menggesa kerajaan menubuhkan suruhanjaya diraja bagi menyiasat mengenai kepinangan dalam projek daging lembu kendalian NFC, yang dikaitkan dengan keluarga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Mahfuz turut mendakwa projek daging lembu itu telah diberi dengan mudah kepada NFC yang disifatkannya sebagai sebuah syarikat tidak berpengalaman.

Mengenai hasil pertemuannya dengan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bagi membincangkan mengenai isu NFC, Noh bagaimanapun enggan mengulas lanjut.

Beliau sebaliknya menyerahkan kepada Muhyiddin untuk mengumumkan tindakan selanjutnya berhubung isu NFC.